

12/10/1997

Koh singkatkan lawatan luar negara

Maznah Darus

GEORGETOWN: Kerajaan negeri mengorak langkah pertamanya ke arah mematuhi arahan pengurangan lawatan ke luar negara dengan pemergian rombongan ke Eropah diketuai Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, lewat malam tadi.

Dr Koh pada sidang akhbar semalam memberitahu, rombongan yang bakal mengunjungi Jerman dan Ireland itu pada awalnya dijangka turut merangkumi kunjungan rasmi ke England, Belgium dan Perancis.

Bagaimanapun, katanya, berikutan arahan kabinet untuk mengurangkan kunjungan luar negara, kerajaan negeri mengambil keputusan hanya melawat Ireland dan Jerman dengan jangka waktu lawatan dikurangkan daripada dua minggu menjadi tiga hari saja.

"Mengikut rancangan awal pegawai pengiring kami sepatutnya enam orang tetapi selepas dikaji jadual dan kerana arahan yang diterima daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, saya rasa cukup setakat tiga orang mengiringi rombongan yang dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

"Jadi biarpun lawatan ini singkat tetapi yang penting ialah keberkesanannya kepada kedua-dua pihak terbabit," jelasnya yang mengetuai rombongan 20 wakil industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan itu.

Menurut Dr Koh, kunjungan itu diharap dapat membuka peluang usaha sama dengan firma berteknologi tinggi di negara berkenaan di samping menyaksikan pemindahan teknologi dua hala.

Turut diatur dalam rangka lawatan singkat Koh itu ialah sesi bengkel pelaburan serta dialog dengan tokoh korporat kedua-dua negara.

Acara kemuncak di Jerman ialah majlis makan malam meraikan kehadiran Koh yang diadakan oleh Timbalan Ketua Menteri Baden-Wuttenburg iaitu pusat kebanyakan ibu pejabat firma Jerman yang beroperasi di Pulau Pinang.

Sementara di Ireland pula, Koh dan rombongannya yang termasuk Pengurus Besar PDC, Datuk Iskandar Dzakurnain Badaruddin akan mengelolakan bengkel bertema Perkongsian Pulau Pinang-Ireland.

Beliau berkata, sejak Mei lalu kebanyakan peserta dari kalangan IKS tempatan sudah berurusan untuk dijodohkan dengan rakan kongsi mereka di kedua-dua negara berkenaan oleh PDC.

Bagaimanapun, menurut beliau, kunjungan ini adalah kemuncak program berkenaan dengan pertemuan pertama di antara mereka yang terbabit.

Turut serta dalam lawatan singkat tetapi penuh makna itu ialah dua ahli Exco iaitu yang mengetuai portfolio perdagangan dan perniagaan, Datuk Dr Sak Cheng Lum dan Azhar Ibrahim (pembangunan keusahawanan).

Rombongan pelaburan untuk meningkatkan usaha sama di kalangan IKS tempatan dan firma teknologi asing di Eropah itu dirancang awal tahun ini.

Ini berikutan kejayaan dua misi awal ke Jepun dan Lembah Silikon, Amerika Syarikat yang membawa kejayaan cemerlang.

(END)